

MyPACE pupuk minat keusahawanan warga UMP

Kuantan: Pusat Keusahawanan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** atau dikenali sebagai MyPACE, baru-baru ini menganjurkan majlis apresiasi bagi menghargai sumbangan staf, penyelaras, penyarah dan mahasiswa universiti itu dalam menjayakan pelbagai program keusahawanan sepanjang tahun lalu.

Pemangku Pengarah Pusat Keusahawanan UMP, Datin Dr Mazita Mokhtar, berkata MyPACE menyediakan platform kepada mahasiswa untuk menceburi bidang keusahawanan, termasuklah memiliki inkubator sendiri dalam usaha memberi latihan kepada mereka yang mempunyai kecenderungan mendalam dalam bidang ini.

Sehingga kini, katanya, pelbagai kegiatan dan pencapaian, antaranya UMP dijemput sebagai penceramah dan berkolaborasi pada peringkat global dengan Binus University Jakarta, Padjajaran Uni-

versiti Bandung (UNPAD), Universiti Ahmad Dahlan, Jogjakarta, Institut Teknologi Malang dan Politeknik Malang.

Beliau berkata, MyPACE turut berkolaborasi dengan India Institute of Technology dan Judge Business School (Cambridge University).

"Usaha itu, selari dengan hasrat universiti dalam merealisasikan Pelan Strategik UMP 2016-2020 menerusi Lonjakan Strategik Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan & Inovasi dan Kemampanan dan Persekitaran.

Sumbangan dana

"Oleh itu, pihak MyPACE memerlukan bantuan dan kerjasama daripada semua pihak yang terbabit secara langsung dalam aspek keusahawanan di UMP untuk sama-sama menjayakan sasaran ini," katanya ketika berucap pada majlis apresiasi itu.

Selain itu, katanya, sumba-

ngan dana daripada Kementerian Pendidikan amat diharapkan untuk melancarkan pelaksanaan program yang sudah dirancang, terutama membabitkan empat kelab keusahawanan di UMP, iaitu Enactus, My Agrosis, Kosiswa dan Kelab Keusahawanan Fakulti.

Pada peringkat tempatan pula, katanya, MyPACE berjaya mendapatkan khidmat konsultant dan kolaborasi dengan SME Corp dalam Program Tunas Usahawan Belia sejak 2014 dan bekerjasama dengan pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kebajikan Masyarakat, East Coast Economic Region (ECER) bagi profiling usahawan dan UMP Advanced Education bagi latihan kepada kontraktor Malaysia.

MyPACE turut berkolaborasi dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang reka bentuk, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad



Peserta program keusahawanan yang mengikuti majlis apresiasi anjuran MyPACE.

(PUNB), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), SIRIM Berhad dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (PoliSAS).

Pihaknya berharap pembabitkan aktif tenaga pengajar dan penyelia pada peringkat fakulti dapat meningkatkan aktiviti keusahawanan serta menarik minat mahasiswa

untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan semasa mahupun selepas tamat pembelajaran nanti.

Dr Mazita berkata, pendekatan itu selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan graduan mencipta pekerjaan dan bukannya mencari pekerjaan.

"Lebih membanggakan

MyPACE berjaya membawa sekumpulan usahawan siswa menimba pengalaman dalam dan di luar negara. Sebagai contoh, mereka mengikuti kursus pemborongan dan perniagaan dalam talian di China dan menyertai program aktiviti keusahawanan di United Kingdom, India dan juga Indonesia," katanya.